




BENCANA MUSIM MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2025/2026 : SEKILAS DATA



* Data sehingga 29 November 2025 jam 6.00 pagi & data kematian adalah kumulatif sejak 13 November 2025

PPS: Pusat Pemindahan Sementara








PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JENIS BENCANA	DAERAH	PPS AKTIF	KELUARGA	MANGSA	TREND
Terengganu	Banjir	Kemaman	25	608	2,328	Meningkat
		Marang	15	559	1,999	Menurun
		Kuala Terengganu	9	588	1,610	Meningkat
		Kuala Nerus	15	491	1,559	Meningkat
		Setiu	30	398	1,367	Meningkat
		Dungun	9	165	713	Tidak Berubah
		Hulu Terengganu	14	177	676	Meningkat
		Besut	6	30	74	Tidak Berubah
JUMLAH			123	3,016	10,326	Meningkat
Perlis	Banjir	Perlis	23	2,047	6,869	Menurun
		JUMLAH	23	2,047	6,869	Menurun
Perak	Banjir	Manjung	18	653	2,271	Menurun
		Hilir Perak	12	584	1,911	Meningkat
		Perak Tengah	9	392	1,390	Menurun
		Bagan Datuk	4	262	767	Menurun
		Larut, Matang dan Selama	2	35	108	Tidak Berubah
		Muallim	2	2	9	Menurun
JUMLAH			47	1,928	6,456	Meningkat
Selangor	Banjir	Kuala Selangor	14	761	2,903	Meningkat
		Sepang	7	220	736	Meningkat
		Sabak Bernam	3	73	220	Tidak Berubah
		Klang	2	35	165	Menurun
		Kuala Langat	5	44	115	Meningkat
JUMLAH			31	1,133	4,139	Meningkat
Kedah	Banjir	Kota Setar	6	551	1,839	Meningkat
		Kubang Pasu	10	524	1,622	Tidak Berubah
		JUMLAH	16	1,075	3,461	Meningkat
Kelantan	Banjir	Tumpat	6	568	1,560	Menurun
		Pasir Mas	5	444	1,106	Tidak Berubah
		Tanah Merah	2	35	123	Tidak Berubah
		Kuala Krai	2	36	117	Tidak Berubah
		Machang	2	26	70	Tidak Berubah
		Gua Musang	1	9	27	Tidak Berubah
JUMLAH			18	1,118	3,003	Menurun



PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JENIS BENCANA	DAERAH	PPS AKTIF	KELUARGA	MANGSA	TREND
Pahang	Banjir 	Kuantan	11	252	757	Meningkat
		Raub	20	223	744	Meningkat
		Lipis	15	171	450	Meningkat
		Maran	8	101	424	Meningkat
		JUMLAH	54	747	2,375	Meningkat
Negeri Sembilan	Banjir 	Port Dickson	2	94	219	Meningkat
		Kuala Pilah	1	26	68	Meningkat
		Seremban	1	15	62	Meningkat
		Rembau	1	13	39	Meningkat
		Jempol	2	4	19	Tidak Berubah
		JUMLAH	7	152	407	Meningkat
Melaka	Banjir 	Alor Gajah	6	57	183	Tidak Berubah
		Melaka Tengah	2	29	109	Tidak Berubah
		JUMLAH	8	86	292	Tidak Berubah
JUMLAH KESELURUHAN			327	11,302	37,328	Meningkat

* Trend: Perbandingan dengan data 28 November 2025 jam 11.59 malam



SITUASI TERKINI

- Sehingga **29 November 2025, jam 6.00 pagi**, terdapat **39 daerah** di **sembilan negeri** yang dilanda bencana dengan **peningkatan** jumlah mangsa kepada **35,601 dalam tempoh 24 jam** (berbanding **32,201 mangsa** pada **28 November 2025**). Ia melibatkan **10,753 keluarga** yang ditempatkan di **311 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka juga **meningkat** berbanding **212 PPS** pada **28 November 2025**.
- **Negeri Perlis (6,927 mangsa)** dan dua daerah paling teruk terjejas iaitu **Kuala Selangor, Selangor (2,889 mangsa)** dan **Manjung, Perak (2,283 mangsa)**.
- Berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM), **dua kematian** telah direkodkan setakat ini yang melibatkan kematian akibat kejadian banjir iaitu **satu di Gua Musang, Kelantan pada 21 November 2025** dan **satu di Tanah Merah, Kelantan pada 26 November 2025**.



MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- **Tiga (3) stesen meteorologi** yang mencatatkan **jumlah hujan harian tertinggi** pada **27 November 2025** adalah **Kuala Terengganu (346.8 mm)**, **Kuantan, Pahang (295.9 mm)** dan **Setiu, Terengganu (282.8 mm)**.
- Berdasarkan pencerapan radar cuaca MET Malaysia, Ribut Tropika Senyar telah mendarat (landfall) sekitar tengah malam 28 November 2025 di kawasan pantai antara sempadan negeri Selangor dan Negeri Sembilan.
- Sistem cuaca tersebut telah melemah dan diturun taraf kepada lekukan tropika serta kini berada di Laut China Selatan pada Latitud 4.4° Utara dan Longitud 104.5° Timur, dijangka bergerak ke arah Timur Laut dengan kelajuan 10 km/j dan boleh mencapai kelajuan angin maksimum sehingga 65 km/j.
- Keadaan ini berpotensi menyebabkan hujan lebat berterusan, angin kencang serta laut bergelora, di beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia, terutamanya di Pahang dan Terengganu dan di Laut China Selatan. Corak cuaca ini dijangka berterusan sehingga 29 November 2025.

- MET Malaysia telah mengemas kini Amaran Lekukan Tropika, Amaran Hujan Berterusan serta Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora bagi negeri Terengganu, Pahang, Perak, Kelantan, Selangor, WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya dan Negeri Sembilan berkuat kuasa sehingga 29 November 2025.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)

- Pada **28 November 2025, empat Amaran Banjir** dan **dua Ramalan Awal Banjir** dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang melibatkan negeri **Terengganu, Pahang dan Kelantan**.

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)



IMPAK

- Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) memaklumkan bahawa beberapa kawasan dikenal pasti berisiko tanah runtuh di negeri terjejas banjir. Di Terengganu, kawasan berisiko melibatkan Marang, Dungun dan Jalan Aring-Kenyir-Kuala Berang di Hulu Terengganu. Kelantan turut merekodkan dua (2) lokasi berisiko iaitu Tanah Merah dan Jalan Lojing-Gua Musang, manakala Pahang mencatatkan kawasan berisiko di Kuala Lipis serta Negeri Sembilan di laluan Jalan Seremban-Simpang Pertang. Negeri-negeri lain termasuk Perlis, Perak, Selangor, Kedah dan Melaka tidak melaporkan sebarang kawasan *hotspot* tanah runtuh.
- Bagi kejadian tanah runtuh yang telah berlaku, JMG melaporkan satu (1) insiden di Selangor yang berlaku di Kampung Bukit Kapar, Klang, serta satu (1) kejadian di Negeri Sembilan melibatkan kawasan Taman Batu Berlian di Seremban. Negeri-negeri lain termasuk Terengganu, Perlis, Perak, Kedah, Kelantan, Pahang, Jempol, serta Melaka tidak mencatatkan sebarang kejadian.
- Sebanyak empat (4) kejadian tanah runtuh dilaporkan pada 28 November 2025 melibatkan Selangor (2), Negeri Sembilan (1) dan Pahang (1). Secara keseluruhan, jumlah kumulatif kejadian tanah runtuh sejak bermulanya Monsun Timur Laut (MTL) meningkat kepada 11 kejadian iaitu;
 1. Taman United, Jalan Sepadu 7, Seputeh, Kuala Lumpur
 2. Kampung Orang Asli Bukit Lagong, Gombak, Selangor
 3. Lorong Setia 3, Kampung Setia, Gombak, Selangor
 4. Jalan Banglo, Batu Arang, Gombak, Selangor



5. Blok D, Flat Sri Lempah, Seputeh, Kuala Lumpur
 6. Taman Aster, Cameron Highlands, Pahang
 7. KOA Sungai Tiang, Cameron Highlands, Pahang
 8. Taman Bukit Berlian, Seremban, Negeri Sembilan
 9. Cameron Towers, No. 5, Jalan 5/58B, Bukit Gasing, Petaling Jaya, Selangor
 10. Kampung Sinulihan, Kota Kinabalu, Sabah
 11. Kampung Bukit Kapar, Klang, Selangor
- Pelaporan JMG tidak merangkumi laluan jalan negeri, persekutuan dan lebuh raya.

Sumber : Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)

- Jabatan Kerja Raya (JKR) telah merekodkan 182 lokasi kejadian bencana yang menjejaskan infrastruktur jalan raya sehingga jam 2.00 pagi, 29 November 2025. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 80 lokasi melibatkan Jalan Persekutuan manakala 102 lokasi menjejaskan Jalan Negeri.
- Kejadian ini berlaku di 11 negeri dengan Perlis merekodkan insiden tertinggi (53 lokasi), diikuti oleh Terengganu (47 lokasi), Selangor (18 lokasi), Kelantan (15 lokasi), Pahang (14 lokasi), Perak (12 lokasi), Kedah (10 lokasi), Pulau Pinang (7 lokasi), Negeri Sembilan (4 lokasi), Johor (1 lokasi) dan Melaka (1 lokasi)
- Jenis kejadian bencana yang paling dominan adalah banjir (116 lokasi) dan banjir kilat (36 lokasi). Selain itu, melibatkan cerun runtuh (14 lokasi), jalan runtuh (9 lokasi), jalan mendap (6 lokasi) dan jambatan rosak atau runtuh (1 lokasi). JKR sedang menjalankan pemantauan dan tindakan pemulihan segera untuk memastikan keselamatan dan kebolehcapaian jalan raya.

Sumber : Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaporkan sebanyak 107 institusi pendidikan terjejas akibat banjir di beberapa negeri. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Perak (24 sekolah rendah, 2 sekolah menengah), Kelantan (20 sekolah rendah, 3 sekolah menengah, 1 PERMATA), Terengganu (17 sekolah rendah, 8 sekolah menengah, 1 Kolej Vokasional), Perlis (7 sekolah rendah, 6 sekolah menengah, 1 PERMATA), Sabah (3 sekolah rendah), Pahang (3 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Sarawak (2 sekolah rendah), Selangor (2 sekolah rendah), Kedah (5 sekolah rendah), dan Melaka (1 sekolah rendah).

- Selain itu, sebanyak 166 PPS premis sekolah telah dibuka bagi menempatkan mangsa banjir. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Terengganu (51 sekolah rendah, 3 sekolah menengah), Perak (25 sekolah rendah, 2 sekolah menengah, 1 Kolej Vokasional), Kelantan (20 sekolah rendah, 1 sekolah menengah, 1 Institut Pendidikan Guru (IPG), Pahang (15 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Perlis (14 sekolah rendah), Kedah (14 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Selangor (12 sekolah rendah), Negeri Sembilan (3 sekolah rendah), dan Melaka (2 sekolah rendah).
- Secara keseluruhan, seramai 2,405 murid terlibat. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Terengganu (596 murid), Perlis (471 murid), Selangor (357 murid), Perak (346 murid), Kelantan (300 murid), Kedah (250 murid), Pahang (39 murid), Negeri Sembilan (35 murid) dan Melaka (11 murid).

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan sebanyak 54 fasiliti kesihatan terjejas akibat banjir yang melibatkan 15 fasiliti di Perlis, 12 di Kelantan, 12 di Perak, 10 di Terengganu, dua (2) di Selangor, dua (2) di Kedah dan satu (1) di Pahang. Daripada jumlah tersebut, 29 adalah Klinik Desa (KD), 13 Klinik Kesihatan (KK), 10 Klinik Pergigian (KP), satu (1) hospital dan satu (1) Unit Vektor Jabatan Kesihatan Negeri (JKN). Sebanyak 25 fasiliti kesihatan tidak beroperasi sepenuhnya dan telah memindahkan perkhidmatan ke fasiliti kesihatan terdekat yang tidak terjejas manakala 29 fasiliti masih beroperasi seperti biasa.
- Pemindahan operasi melibatkan 10 fasiliti di Perlis, empat (4) fasiliti di Terengganu, empat (4) fasiliti di Perak, tiga (3) fasiliti di Kelantan, dua (2) fasiliti di Kedah, satu (1) fasiliti di Pahang dan satu (1) fasiliti di Selangor. Manakala fasiliti yang masih beroperasi seperti biasa melibatkan sembilan (9) fasiliti di Kelantan, lapan (8) fasiliti di Perak, enam (6) fasiliti di Terengganu, lima (5) fasiliti di Perlis, serta satu (1) fasiliti di Selangor
- Perkhidmatan daripada fasiliti yang terjejas telah dialihkan ke fasiliti kesihatan berhampiran bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kepada penduduk yang terlibat.



- Sebanyak 492 Pasukan Perubatan Kecemasan (EMT) telah digerakkan, terdiri daripada 230 *Rapid Response Team* (RRT) Kesihatan, 222 RRT Perubatan serta 40 pasukan *Mental Health and Psychosocial Support Services* (MHPSS). Pasukan ini ditempatkan di PPS bagi menyediakan rawatan perubatan, pemantauan kesihatan dan pencegahan penyakit kepada mangsa banjir. Tiada wabak penyakit dilaporkan setakat ini.

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melaporkan sebanyak 21 infrastruktur komunikasi terkesan akibat banjir di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, lapan (8) masih tidak beroperasi, melibatkan lima (5) stesen pemancar di Perlis dan tiga (3) stesen pemancar di Perak.
- Bagi memastikan kelangsungan komunikasi di kawasan terjejas, sebanyak 16 PPS telah dipasang Inisiatif WiFi percuma oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi iaitu:
 1. CelcomDigi : PPS SK Tapang, Kota Bharu, Kelantan
 2. YTL : PPS SK Pauh Sembilan, Bachok, Kelantan
 3. Maxis : PPS Kubang Batang, Tumpat, Kelantan
 4. CelcomDigi : PPS SK Chicha Menyabong, Kota Bharu, Kelantan
 5. CelcomDigi : PPS SK Seribong, Kota Bharu, Kelantan
 6. CelcomDigi : PPS SK Seri Chempaka, Kota Bharu, Kelantan
 7. CelcomDigi : PPS SK Islah, Kota Bharu, Kelantan
 8. TM : PPS SK Pa'Pura, Bachok, Kelantan
 9. TM : PPS SK Pengkalan Chengal, Bachok, Kelantan
 10. Umobile : PPS SK Kok Keli, Tumpat, Kelantan
 11. Umobile : PPS SK Pa'Pura, Bachok, Kelantan
 12. TM : PPS SK Batu Bertangkup, Kangar, Perlis
 13. TM : PPS Bukit Payong, Marang, Terengganu
 14. TM : PPS SK Simpang Rawai, Marang, Terengganu
 15. TM : PPS Bukit Sawa, Marang, Terengganu
 16. TM : PPS SK Parit Mahang, Jeram, Selangor
- SKMM bersama penyedia perkhidmatan telekomunikasi akan terus memantau tahap liputan melalui JPBD/JPBN bagi memastikan sebarang gangguan perkhidmatan atau kesesakan talian di PPS dapat ditangani dengan segera.

Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

- Tenaga Nasional Berhad (TNB) melaporkan beberapa kawasan di Perlis, Perak, Terengganu, Selangor dan Negeri Sembilan mengalami pemutusan bekalan elektrik sebagai langkah keselamatan akibat banjir. Di Perlis, kawasan terjejas ialah Kg Tasoh. Di Perak, kawasan terlibat di Teluk Intan termasuk Kilang Perabot, Hospital Medicare, Kg Gloucester, Sekolah Menengah Batu 4, Sekolah Menengah Vokasional Dalam, Felcra Sungkai Mati, Ladang Golden Hope Batu 4 dan Kilang Sawit Sime Darby Batu 6. Di Terengganu, kawasan terjejas di Marang ialah Taman Al Amin. Di Selangor, kawasan terlibat di Rawang ialah Sungai Ikan Batang Kali manakala di Kuala Selangor termasuk Jalan Pasar, Rumah Pam Sg Labu, Jalan Rizab Masjid dan Southern Reality Ladang Bukit Ijok. Di Negeri Sembilan, kawasan terjejas di Port Dickson melibatkan Taman Linggi Idaman, Darul Widad Linggi, Pengkalan Kundang dan Pekan Linggi.
- Tiada PPS dilaporkan terjejas bekalan elektrik. TNB telah mengambil tindakan dengan memasang genset di kawasan yang dikenal pasti selamat bagi memastikan kesinambungan bekalan tenaga kepada premis penting serta operasi respons banjir.

Sumber : Tenaga Nasional Berhad (TNB)



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah mengambil inisiatif awal untuk meningkatkan kesediaan logistik bencana sebelum bermulanya Monsun Timur Laut 2025/2025. Persediaan utama yang ditekankan merangkumi pembekalan bantuan makanan seperti Kit Makanan (KM) dan Makanan *Retort* (MRE), pemasangan *Collapsible Cubicle Tent* (C-Tent), serta penempatan aset Jambatan Keluli Bermodular (Bailey Bridge) untuk keupayaan pemulihan infrastruktur.
- Dari segi bekalan makanan, NADMA telah menyediakan sejumlah besar bantuan, iaitu 60,000 unit KM untuk mangsa selepas keluar PPS dan 110,000 unit MRE untuk petugas operasi dan kegunaan pembukaan PPS. Selain itu, terdapat permohonan tambahan sebanyak 3,000 unit KM dan 6,700 unit MRE dari negeri-negeri yang terjejas seperti Perak, Selangor, Kedah, dan Perlis, yang mana proses penghantarannya sedang diselaraskan.



- Bagi aspek perlindungan dan pemulihan, sebanyak 128,186 unit C-Tent telah dibekalkan ke seluruh negara melalui sumbangan dari pelbagai pihak, termasuk NADMA, Yayasan Sultan Johor, PETRONAS dan JKM. Selain itu, tujuh (7) set Bailey Bridge telah ditempatkan di lokasi strategik iaitu tiga (3) di Sabah, tiga (3) di Sarawak dan satu (1) di Kelantan untuk berfungsi sebagai jambatan sementara yang dapat menggantikan jambatan kekal yang rosak akibat bencana.
- Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Pusat meneruskan mesyuarat berkala bagi menyelaraskan serta memantau situasi di negeri-negeri yang terlibat secara langsung
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan bantuan makanan kepada mangsa banjir di PPS mengikut keperluan setempat. Di Kelantan, makanan disediakan melalui gotong-royong bermasak, manakala di negeri-negeri lain, makanan diagihkan dalam bentuk *pack food*. Selain itu, pelbagai bantuan lain turut diberikan termasuk keperluan asas, keperluan tambahan serta *retort* pemulaan bagi memastikan mangsa menerima bantuan dalam tempoh 24 jam pertama.
- Bagi memastikan kelancaran pengurusan bekalan, stok makanan ditempatkan di Depoh Barang Keperluan Bencana, stor negeri dan daerah, mini kontena serta pangkalan hadapan khususnya di kawasan yang terputus hubungan. Selain itu, JKM turut menambah stok di stor daerah sebagai langkah menambah baik keperluan di PPS. Usaha ini dilaksanakan bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan mangsa sentiasa terjamin sepanjang tempoh penempatan di PPS.
- Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menghantar pam kecemasan mudah alih ke negeri-negeri yang dilanda banjir bagi membantu kerja-kerja pengepaman air dan mempercepatkan proses surut. Tindakan ini merupakan sebahagian daripada langkah intervensi yang dilaksanakan untuk mengurus dan mengurangkan impak banjir di kawasan terjejas.
- **Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas** yang ditempatkan di negeri-negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 1**.
- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



MAKLUMAT PERGERAKAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

- Sejak bermulanya Monsun Timur Laut (MTL) pada 13 November 2025, sebanyak 171 pelaporan pergerakan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Rakan NADMA telah direkodkan.
- NGO terbabit melaksanakan pelbagai bentuk bantuan termasuk pengagihan makanan dan minuman, kit kebersihan, khidmat pembersihan, khidmat kaunseling, keperluan tidur, bantuan mencari dan menyelamatkan, sokongan logistik, pasukan perubatan, pengurusan komunikasi serta lain-lain bentuk bantuan kemanusiaan bagi membantu mangsa banjir di negeri-negeri terjejas.
- Secara keseluruhan, 1,149 sukarelawan daripada 26 pertubuhan telah melaksanakan pengoperasian dan pengagihan bantuan tersebut.



JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
1.	TERENGGANU	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	126	4x4/SUV/VAN: 8, AMBULANS/EMRS: 1 BOT: 8, LORI/FRT/LFRT: 10
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	156	4x4/SUV/VAN: 7, BOT: 3, LORI/FRT/LFRT: 8
		PASUKAN Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART)	10	4x4/SUV/VAN: 2, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	163	4x4/SUV/VAN: 22 AMBULANS/EMRS: 7, BOT: 17, LORI/FRT/LFRT:7, MOTOKAR: 7
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	228	4x4/SUV/VAN: 24, BOT: 5, LORI/FRT/LFRT: 18
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	240	-
2.	PERLIS	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	84	4x4/SUV/VAN: 5 AMBULANS/EMRS: 2, BOT: 7, LORI/FRT/LFRT: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	12	4x4/SUV/VAN: 1, LORI/FRT/LFRT: 2
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	382	4x4/SUV/VAN: 10, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 8, MOTOKAR: 19, MOTOSIKAL: 10, LAIN-LAIN: 3
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	62	4x4/SUV/VAN: 4, AMBULANS/EMRS: 3, BOT: 9, LORI/FRT/LFRT: 12, MOTOSIKAL: 3
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	84	-
3.	PERAK	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	98	4x4/SUV/VAN: 5, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 5, LORI/FRT/LFRT: 5
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	22	4x4/SUV/VAN: 6
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	158	4x4/SUV/VAN: 13, BOT: 8, LORI/FRT/LFRT: 4
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	78	4x4/SUV/VAN: 5, AMBULANS/EMRS: 2, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 8
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	160	-



LAPORAN SITUASI SEMASA MTL 2025/2026 #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

29 NOVEMBER 2025

9

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
4.	SELANGOR	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	170	4x4/SUV/VAN: 6, AMBULANS/EMRS: 2, BOT:10, HELIKOPTER/DRON: 4, LORI/FRT/LFRT: 5
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	27	4x4/SUV/VAN: 5
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	71	4x4/SUV/VAN: 4, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 2
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	17	4x4/SUV/VAN: 1, LORI/FRT/LFRT: 2
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	116	-
5.	KEDAH	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	75	4x4/SUV/VAN: 5, AMBULANS/EMRS: 2, BOT: 9, LORI/FRT/LFRT: 4
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	31	4x4/SUV/VAN: 2, LORI/FRT/LFRT: 2
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	105	4x4/SUV/VAN: 12, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 4, MOTOKAR: 5
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	66	4x4/SUV/VAN: 8, HELIKOPTER/DRON: 1, LORI/FRT/LFRT: 2
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	72	-
6.	KELANTAN	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	83	4x4/SUV/VAN: 5,, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 7, LORI/FRT/LFRT: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	114	4x4/SUV/VAN: 8, BOT: 3, LORI/FRT/LFRT: 5
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	780	4x4/SUV/VAN: 23, BOT: 24, LORI/FRT/LFRT: 20
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	68	4x4/SUV/VAN: 8, LORI/FRT/LFRT: 8
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	72	-
7.	PAHANG	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	16	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 1
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	58	4x4/SUV/VAN: 4, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 3
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	787	4x4/SUV/VAN: 62, BOT: 55
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	36	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 4
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	92	-
8.	NEGERI SEMBILAN	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	15	4x4/SUV/VAN: 4, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	36	4x4/SUV/VAN: 4, HELIKOPTER/DRON: 1, LORI/FRT/LFRT: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	43	4x4/SUV/VAN: 10, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 4, MOTOKAR: 13
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	12	-



LAPORAN SITUASI SEMASA MTL 2025/2026 #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

29 NOVEMBER 2025

10

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
9.	MELAKA	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	60	4x4/SUV/VAN: 5, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 6, LORI/FRT/LFRT: 3
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	8	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 1
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	4	-
JUMLAH KESELURUHAN			5,097	<ul style="list-style-type: none">• 4X4/SUV/VAN: 297• AMBULANS/EMRS: 22• BOT: 200• HELIKOPTER/DRON: 6• LORI/ FRT/LFRT: 163• MOTOKAR: 44• MOTOSIKAL: 13• LAIN-LAIN: 3

* Data sehingga 28 November 2025 jam 11.59 malam. Untuk daerah-daerah yang terlibat dengan banjir sahaja.

Sumber: APM, ATM, SMART, PDRM, JPBM & RELA